

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (79) dlm. KKM 82/2/6

Tarikh: / 10 hb April 1987.

Pengarah Hospital Besar Kuala Lumpur
Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri
Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sabah/Sarawak
Pengarah Institusi/Yayasan Persekutuan

Datuk/tuan/puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 4 /1987

Ahli-ahli Lembaga Perubatan Di Bawah Perintah Am Bab 'F' 18

Surat Pekeliling ini bertujuan menerangkan keahlian Lembaga Perubatan di bawah Perintah Am Bab 'F' 18.

2. Lembaga Perubatan yang dimaksudkan di bawah Perintah Am Bab 'F' 18 mestilah satu lembaga yang bebas. Ini bermakna, pegawai-pegawai perubatan/pakar-pakar yang pernah merawat orang-orang yang diperiksa tidak boleh menjadi ahli Lembaga tersebut. Walaubagaimanapun, jika diperlukan mereka bolehlah memberi maklumat atau keterangan kepada Lembaga.

3. Jika tidak ada pegawai perubatan/pakar yang sesuai yang lain di negeri/yayasan masing-masing yang boleh dilantik, Ketua Jabatan Perubatan Negeri/Ketua Yayasan Perubatan Persekutuan boleh melantik pegawai perubatan/pakar dari negeri/yayasan yang lain melalui pengarah-pengarah yang berkenaan.

4. Semua Pengarah diminta memastikan peraturan ini dipatuhi.

5. Sebarang pertanyaan mengenai surat pekeling ini hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (U/P: Pengarah Perkhidmatan Perubatan).

Sekian, terimakasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHLIN)

(c) Pegawai pakar yang berkenaan hendaklah menentukan rawatan yang dicadangkan itu adalah sesuai dan "cost effective" dari segi jenis penyakit yang dihidapi dan wang yang akan dibelanjakan.

3. Setelah memberi pengesahan, maka adalah menjadi tanggungjawab pegawai pakar yang berkenaan memilih pusat rawatan yang paling sesuai dan seterusnya membuat segala peraturan mengenai pemergian pesakit tersebut ke luar negeri.

4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parliman.
Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Pegawai Kanan Perhubungan Awam.

-/re

KRM-82/2/6

11 hb Julai, 1987

Semua Pengarah Bahagian.

Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia.

Salinan dokumen-dokumen untuk ditandatangani oleh KPK

Sebagaimana tuan sedia maklum dalam tugas harian saya, saya terpaksa menandatangani begitu banyak sekali dokumen. Untuk mengurangkan kerja-kerja tersebut, saya berharap bilangan salinan yang dihantar untuk ditandatangani dikurangkan kepada apa yang perlu sahaja. Jika hanya satu diperlukan maka hanya satu salinan patut dikemukakan untuk ditandatangani.



TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re